

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM - IMBre
Sent: 30 Jun 2016 14:46
To: UUM - All Staff
Cc: Mohd Fozi B Saleh
Subject: PEMBENTANGAN LAPORAN AKHIR KAJIAN KES



30 Jun 2016 / 25 Ramadhan 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Yang Berusaha Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,



Institut Penyelidikan Pengurusan & Perniagaan (IMBRe) telah mengadakan satu sesi pembentangan laporan akhir kajian kes bertajuk MASRI :Tapping into South East Asia Halal Food Markets pada pagi ini bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat IMBRe, Paras 2, Bangunan Tissa, UUM.

Laporan akhir tersebut telah dibentangkan oleh Dr. Martino Luis dari OYAGSB selaku salah seorang ahli penyelidik, turut hadir ialah Prof. Dr. Ruswati Suryasaputra yang merupakan ketua untuk kajian kes tersebut.

Sesi yang berlangsung lebih satu jam itu telah dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Siti Norezam Othman yang turut bertindak sebagai penilai disamping Dr. Hendrik Lamsali selaku penilai kedua.

Beberapa orang pensyarah lain dari Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik (STML) dan OYAGSB telah meluangkan masa untuk menyertai sesi pembentangan laporan akhir tersebut.

Diharap kepada semua yang terlibat agar dapat mengumpul seberapa banyak ilmu dan maklumat berkaitan kajian kes untuk pengajaran seterusnya dapat digunakan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Institute for Management and Business Research (IMBRe)
Level 2, TISSA Building
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok, Kedah
Malaysia.
Tel: +604 – 928 7607/7609 | Fax: +604 – 928 7611
IMBRe's Website: <http://www.imbre.uum.edu.my>

